

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**CHANCELLOR'S TALK UTeM
(TS Abdul Wahid Omar)**

**1 Oktober 2019, 8.30 pagi
Dewan Canselor UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar Hijau Bersih.

1. Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar

Pengucaptama program Chancellor's Talk kali ini,

Pegawai-Pegawai kanan universiti, staf, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita melafazkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan Inayah dan Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bersempena Program Chancellor's Talk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Saya, mewakili seluruh warga Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar kerana sudi memenuhi jemputan sebagai pengucaptama program Chancellor's Talk kali ini. Program ilmiah ini juga diadakan bertepatan dengan usaha pihak universiti dalam

menyemarakkan lagi sambutan bulan akademik, sepanjang Oktober ini.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

3. Penganjuran Program Chancellor's Talk merupakan platform terbaik bagi tokoh-tokoh negarawan, ilmuan dan cendiawakan negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman meluas bersama seluruh warga Universiti dalam menyokong pembangunan modal insan yang lebih cemerlang.

4. Alhamdulillah, bermula dari tahun 2014, UTeM telah berjaya menganjurkan beberapa siri Chancellor's Talk, dari kalangan pengucaptama terkenal seperti Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali dan pada minggu lepas, UTeM telah menjemput Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang sebagai pengucaptama Chancellor's Talk.

5. Pada hari ini, UTeM berasa amat bertuah kerana dapat meneruskan serakan program Chancellor's Talk – perkongsian dari Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar, menerusi topik perkongsian yang amat menarik dan relevan dengan kita semua iaitu Purposeful Leadership and Sustainability.

Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

6. Sebelum kita mempersilakan Y.Bhg. Tan Sri untuk menyampaikan perkongsian beliau, izinkan saya untuk mengambil sedikit masa tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk kita sama-sama menelusuri sedikit latar belakang pengucaptama kita pada hari ini.

- Abdul Wahid memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman 2, Johor Bahru, seterusnya ke Maktab Rendah Sains MARA Seremban. Pencapaian pendidikan yang cemerlang di peringkat pendidikan sekondari telah melayakkan beliau menerima biasiswa untuk

melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar di United Kingdom pada tahun 1982. Bermula dengan A levels di Tresham College, Kettering, kemudiannya beliau mengikuti ACCA level 1 dan 2 di Luton College of Higher Education, yang mana kini dikenali sebagai Bedfordshire University.

- Setelah memperolehi Diploma in Advanced Accounting pada tahun 1985, beliau telah meneruskan pembelajaran untuk melengkapkan kelulusan tahap 3 perakaunan bertauliah The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di Kolej Chart Foulks Lynch, London pada tahun 1987.

- Pengalaman kerjaya beliau bermula sebagai Pembantu Audit di firma perakaunan KPMG di Kuala Lumpur. Seterusnya, beliau mendapat tawaran sebagai seorang Pegawai, Kewangan Korporat dan kemudiannya Perbankan Korporat di Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1988. Beliau kemudiannya dipelawa untuk menyertai Kumpulan FIMA Berhad sebagai Naib Presiden, Kewangan pada tahun 1991 dan Amanah Capital Group sebagai Pengarah Perkhidmatan Korporat pada tahun 1994.

- Pengalaman kerjaya yang semakin meluas telah menarik perhatian pihak organisasi besar dan ternama, yang mana Abdul Wahid perlah dilantik sebagai CFO dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia Berhad, selain pernah terpilih menerajui Kumpulan UEM-Renong sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.
- Abdul Wahid juga pernah dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank pada 1 Mei 2008.
- Berdasarkan prestasi dan pengalaman pengurusan korporat yang begitu meluas, beliau telah dilantik sebagai seorang

Senator dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Unit Perancang Ekonomi pada 5 Jun 2013. Peranan beliau antara lain adalah untuk membawa perspektif sektor swasta ke dalam Kerajaan dan membantu menggubal polisi-polisi yang perlu untuk memastikan kemampanan pengurusan kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara.

- Ini termasuklah penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas dan pembentangan tiga rang undang-undang di Parlimen.

- Setelah melengkapai perkhidmatan sebagai Senator dan Menteri Kabinet selama sepenggal, Tan Sri kembali ke sektor korporat dengan pelantikan sebagai Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 1 Ogos 2016 sehingga 30 Jun 2018. Kini, Tan Sri menguruskan pelaburan peribadi beliau dan meneruskan khidmat untuk negara dengan pelantikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia mulai 1 November 2018.
- Selain bergelar seorang Akauntan bertauliah ahli ACCA, Institute of Chartered Accountants in England & Wales dan

Institut Akauntan Malaysia (MIA), serta ahli korporat yang versatil, Tan Sri juga telah menerima pelbagai anugerah sepanjang 30 tahun kerjaya beliau. Ini termasuklah anugerah 'Malaysia's CEO of The Year 2006' daripada Business Times / American Express, 'The Asian Banker's 2013 Leadership Achievement Award for Malaysia' dan 'The Edge Value Creator Award 2013'.

- Beliau juga telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Kedoktoran Ekonomi oleh Universiti Multimedia Malaysia pada tahun 2014.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Di atas faktor kecemerlangan dan kegembilangan inilah, maka hari ini kita amat bertuah kerana dapat bersama-sama mendengar perkongsian yang bakal disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri sebentar sahaja lagi.

8. Diharapkan, sesi perkongsian ini dapat memberi inspirasi, meluaskan lagi pengetahuan dan pengalaman kita bersama menerusi ilmu-ilmu baharu dan pengalaman-pengalaman terbaik yang bakal dikongsikan.

Pohon berangan tempat bertemu,
Subur merimbun Bunga Melati;
Chancellor's Talk wadah perkongsian ilmu,
Anjakan warga, membangunkan universiti.

9. Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh